

D472

UB367 A A B

CHOGM - MAHATHIR

I

LANGKAWI, 21 OKT (BERNAMA) -- DEKLARASI LANGKAWI MENGENAI ALAN SEKITAR MERUPAKAN PERINGKAT PENTING DALAM SEJARAH KERANA INILAH KALI PERTAMA, PENDAPAT NEGARA-NEGARA SEDANG HEMBANGUN MENGENAI ISU ALAN SEKITAR DIAHBIL KIRA DALAM FORUM ANTARABANGSA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR HOHAHAD HARI INI.

BELIAU BERKATA DEKLARASI ITU, YANG DITERIMA SEBULAT SUARA OLEH NEGARA-NEGARA KOMANWEL, MENUNJUKKAN PENDEKATAN YANG SEIMBANG TERHADAP MASALAH ITU, DAN MENANDAKAN SUMBANGAN KOHANWEL KEPADA USAHA SEDUNIA UNTUK MENCEGAH KEHEROSOTAN MUTUALAM SEKITAR.

BELIAU BERKATA DEHIKIAN PADA PERSIDANGAN AKHBAR UNTUK MENGUMUMKAN DEKLARASI ITU. YANG HADIR PADA PERSIDANGAN AKHBAR ITU DI HOTEL PELANGI BEACH RESORT, TEHPAT PERENTIAN CHOGM, IALAH SETIAUSAHA AGONG KOMANWEL, SIR SHRIDATH RAMPHAL.

PERDANAMENTERI BERKATA BAHAWA SEMENTARA NEGARA-NEGARA SEDANG HEHBANGUN PERLU MENGADAKAN PEROGRAM TINDAKAN MEREKA SENDIRI, SELARAS DENGAN DEKLARASI ITU, NEGARA-NEGARA MAJU PULA JANGAN LAGI TERAGAK-AGAK UNTUK MEMBERI SEGALA BANTUAN. --, LAGI.

1754MST 21 10 89

D493 -

U 8376 AAB

CHOGH - HAHATHIR 2 LANGKAUI RRR

SIR SHRIDATH PULA BERKATA DEKLARASI ITU LAHIR TERUTAMANYA HASIL DAYA UTAMA DAN USAHA MALAYSIA SUPAYA IA DIBINCANGKAN PADA PERINGKAT AWALLAGI. DEKLARASI ITU DITERIHA OLEH SETIAP NEGARA ANGGOTA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGAKUI BAHAWA SEDIKIT KERUMILTAN TIMBUL UNTUK HENDAPKAN PERSETUJUAN BEBERAPA NEGARA +TETAPI AKHIRNYA SETIAP ORANG BERSETUJU DENGAN PENDAPAT BAHAWA KAH PERLU MENCAPAI PERSETUJUAN SEBULAT SUARA.+

PADA HULANYA ADA URA-URA BAHAWA SEBUAH BADAN LAIN ATAU SEBUAH TABUNG LAIN MUNGKINDI WUJUDKAN, TETAPI DEKLARASI ITU MERANGKUMI SEMUA PENDAPAT ITU.

BELIAU BERKATA PADA PERBINCANGAN DI KUALA LUMPUR, ADA DISEBUT TENTANG PENEHPATAN SEMULA PENDUDUK DI KAWASAN-KAUASAN RENDAH DAN NEGARA-NEGARA KEPULAUAN YANG HENGHADAPI BAHAYA PENINGKATAN PARAS LAUT (AKIBAT KESAN RUMAHKACA).

BAGAIMANAPUN, TELAH DITEGASKAN PADA PERBINCANGAN ITU BAHAWA PENDUDUK DI KAUASAN YANG MUNGKIN DITENGGELAMI AIR, TIDAK MAHU DITEHPATKAN SEHULA DI KAWASAN LAIN. -- LAGI.

1833MST 21 10 89

USUU

U E616 AAE
CHOGM - MAHATHIR 3 LANGKAWI' R R R

OLEH YANG DEMIKIAN USAHA HENDAKLAH DILAKUKAN UNTUK MENCEGAH KAWASAN BERKENAAN DARIPADA DITENGGELAMI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENOLAK ANGGAPAN KONONNYA SEMASA PERDEBATAN DI KUALA LUMPUR, SOAL AFRIKA SELATAN MENGATASI ISU-ISU LAIN. PERHATIAN YANG SAMA DIBERIKAN KEPADA AFRIKA SELATAN DAN ALAM SEKITAR.

KATANYA, MASALAH AFRIKA SELATAN MUNGKINDIRUMUSKAN DALAM DEKLARASI YANG BERASINGAN, BUKAN SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA DEKLARASI UMUM DAN DALAM HUBUNGAN INI +KAMI BELUM MEMBERESKAN DEKLARASI MENGENAI AFRIKA SELATAN.+

MERUJUK KEPADA PERENGGAN KEDUA DEKLARASI LANGKAWI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IA BERTUJUAN MENEGASKAN BAHAWA PENCEMARAN ALAM SEKITAR BUKAN SESUATU YANG CUMA BERLAKU SEKARANG, TETAPI ADALAH KESAN TERKUMPUL DARIPADA KEMEROSOTAN MUTU ALAM SEKITAR SEJAK BERTAHUN-TAHUN.

MENGENAI TINDAKAN BANK-BANK MENJADUALKAN SEMULA PINJAMAN KEPADA AFRIKA SELATAN, BELIAU BERKATA +MASIH ADA HARAPN. BANYAK LAGI PERKARA LAIN YANG BOLEH DILAKUKAN SELAIN DARIPADA PENJADUALAN SEMULA. INI TERMASUK KEMUDAHAN MENDAPATKAN PINJAMAN BARU, TABUNGAN PELABURAN, SEKATAN YANG BERTERUSAN DAN PENARIKAN DIRI OLEH SESETENGAH SYARIKAT DI AFRIKA SELATAN.+

SEMUA INI, KATANYA, MASIH BOLEH DILAKUKAN. -- BERNAMA.
1844MST 21 10 89